

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98**

**September 1997**

**PDP 419 - KAEDAH MENGAJAR PERDAGANGAN DAN PERAKAUNAN I**

**Masa : [ 3 jam ]**

---

**Arahan : Jawab empat soalan sahaja. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.**

1. **Apakah yang dimaksudkan dengan teori-teori pembelajaran? Huraikan teori-teori pembelajaran yang boleh digunakan untuk pengajaran perdagangan dan perakaunan.**
2. **Semasa merancang pengajaran, guru perlu mengambil kira prinsip-prinsip pembelajaran. Nyatakan dan terangkan prinsip-prinsip pembelajaran yang perlu diambil kira untuk pengajaran mata pelajaran perdagangan atau perakaunan.**
3. **Huraikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan apabila guru memberi tugas membaca kepada pelajar perdagangan dan perakaunan.**
4. **Nyatakan dan huraikan pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan untuk mengajar mata pelajaran perakaunan.**
5. **Pilih satu topik dalam mata pelajaran perdagangan atau perakaunan dan terangkan dengan memberi contoh bagaimana topik tersebut dapat dijadikan sebagai tajuk perbincangan.**

ooo0ooo

